



FATHIL ASRI | BERITA HARIAN

SELESA: Abdullah mencuba kerusi yang akan digunakan ketua negara Asean ketika melawat persiapan menjelang Sidang Kemuncak Asean ke-11 di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur, semalam.

PM sedih al-Aqsa retak

BH - 22/11/2005

Israel mesti ambil kira perasaan umat Islam bagi mengelak ketegangan

Oleh Misiah Taib

KUALA LUMPUR: Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi sedih kerana Masjid al-Aqsa, tempat suci ketiga Islam selepas Makkah dan Madinah, dilaporkan mula mengalami keretakan serius dan boleh runtuh bila-bila masa akibat tindakan Israel mengorek lubang bawah tanah di kawasan itu sejak 1967.

Sehubungan itu, Perdana Menteri yang juga Pengerusi Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) menegaskan Israel perlu berhati-hati dan mengambil kira perasaan umat Islam bagi mengelak sebarang tindak balas yang mungkin boleh mencetuskan ketegangan.

"Al-Aqsa adalah masjid cukup mulia bagi orang Islam dan sudah di-

anggap sebagai warisan dunia. Dengan itu pihak Israel mestilah lebih berhati-hati.

"Bila jadi begini, akan menyebabkan umat Islam marah. Akan ada orang yang bertindak, mungkin oleh sebab apa yang berlaku kepada masjid itu," katanya pada sidang media selepas melawat persiapan menjelang Sidang Kemuncak Asean ke-11 di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur di sini, semalam.

Mufti al-Aqsa, Sheikh Ikrama Sabri, semalam dilaporkan berkata keretakan paling jelas dilihat pada tembok penanda garis sempadan kawasan Haram al-Sharif, iaitu meliputi banyak tempat di Masjidil Aqsa dan Bandar Lama yang melingkunginya sejak dicerobohi rejim Zionis.

Israel dilaporkan menggunakan jentera berat bagi mengorek kawasan

berkenaan atas alasan untuk mencari bukti kewujudan kuil Yahudi sebelum pembinaan al-Aqsa.

Abdullah berkata, mengikut resolusi Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB), sebarang konflik antara dua negara tidak seharusnya membawa tindakan yang boleh merosakkan warisan sesuatu kaum, apa lagi jika bernilai dan sudah diiktiraf sebagai warisan dunia.

"Kalau perkara ini tidak diambil kisah, akan tercetuslah nanti macam-macam masalah yang mungkin akan berlaku, kekecohan dan sebagainya," katanya.

Mengenai persiapan menjelang Sidang Kemuncak Asean ke-11 dan Persidangan Pertama Ketua-Ketua Kerajaan Asia Timur yang akan diadakan di sini bulan depan, Perdana Menteri berkata:

"Saya berpuas hati. Cuma beberapa perkara masih perlu diperbaiki lagi. Kemudahan di sini memang cukup dan ia adalah kemudahan baru, tidak ada kerosakan.

"Saya percaya kemudahan yang ada mampu memberi keselesaan kepada semua yang akan menghadiri mesyuarat dan persidangan di Kuala Lumpur nanti."

Abdullah meluangkan masa selama satu setengah jam meninjau kemudahan yang disediakan, di samping menguji sendiri sistem pembebasan suara untuk persidangan itu.

Antaranya, beliau melawat bilik menunggu orang kenamaan, bilik persidangan Ketua-Ketua Negara Asia Timur, bilik menandatangani Deklarasi Kuala Lumpur, bilik jamuan, bilik perbincangan dua hala dan bilik sidang media.